

Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka

The Analysis of Parents Coaching Forms for Developing an Excellent Personality: Study on Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka

Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali

Universiti Pendidikan Sultan Idris

email: abdmunir@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian ini mengkaji tentang metode didikan ibu bapa terhadap anak-anak bagi membentuk sahsiah cemerlang. Objektif kajian untuk mengetahui kaedah ibu bapa mendidik anak melalui metode autoritarian (terlalu tegas), metode permisif (memberi kebebasan) atau metode autoritatif (memberi kebebasan dan dipersetujui bersama). Lokasi kajian dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah Melaka. Borang kaji selidik diedarkan kepada 150 responden dipilih secara rawak mewakili pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima sebagai sampel. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 2.1 bagi mendapatkan frekuensi dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar menerima metode didikan autoritatif. Dengan mengamalkan gaya ini, ibubapa memberikan kebebasan kepada anak-anak dengan batasan tertentu bagi membentuk sahsiah pelajar yang cemerlang dalam aspek akhlak dan akademik.

Kata kunci: metode didikan, ibu bapa, anak-anak, sahsiah cemerlang

Abstract

This study examines the method of parents' upbringing of their children in building their brilliant's personality. The objective of the study was to determine the method of parents' upbringing of their children through authoritarian methods (too firm), the permissive (freedom) or authoritative methods (give freedom and mutually agreed). The study was conducted at Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Malacca. The survey was distributed to 150 randomly selected respondents representing form one to form five samples. The data were analyzed using SPSS version 2.1 software to obtain frequencies and percentages. The findings show that majority of students prefer the authoritative method. This method was viewed as having positive effect in which parents who adopt this style gave freedom to the children with certain restrictions in order to build the students personality in terms of moral and academic.

Keywords: *methods of upbringing, parents, children, excellent personality*

Pengenalan

Anak adalah harta tiada ternilai dianugerahkan oleh Allah SWT kepada sesuatu pasangan hidup yang bergelar ibu dan bapa. Ibu bapa bertanggungjawab membentuk anak-anak mereka sebagai anak cemerlang atau sebaliknya. Dalam ajaran Islam mendidik dan membentuk peribadi anak agar patuh kepada perintah Allah SWT adalah suatu kewajipan mutlak. Hal ini berdasarkan kepada satu hadis Rasulullah SAW bermaksud setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih), maka kedua ibu bapanya bertanggungjawab membentuk anak itu sama ada Yahudi, Nasrani atau Majusi (Riwayat Abu Daud, 1387H).

Anak-anak menjalani proses pembentukan akhlak mulia melalui tingkahlaku ibu bapa dan keluarga atau dalam persekitaran rumah. Amalan nilai dan norma yang diamalkan dalam institusi keluarga dicurahkan kepada anak-anak secara tidak langsung bagi membentuk akhlak mulia. Justeru,

ibu bapa cemerlang sewajarnya mengenalpasti pelbagai fitrah yang dimiliki oleh anak-anak dan seterusnya memupuk mereka ke arah perkembangan fitrah tersebut.

Faktor persekitaran keluarga yang harmonis berperanan penting mempengaruhi kejayaan anak-anak selari dengan keperibadian unggul. Institusi keluarga merupakan institusi yang penting dalam memikul tanggungjawab membentuk peribadi anak-anak dari segi akidah, akhlak, akademik dan moral seseorang insan itu sendiri. Memiliki ilmu tentang kemahiran keibubapaan yang mantap dalam mendidik anak-anak membolehkan ibu bapa membantu perkembangan dan pertumbuhan anak-anak selaras dengan fitrah kejadiannya. Kemahiran ini termasuklah keupayaan ibu bapa mengenalpasti dan memahami keperluan anak-anak. Antaranya keperluan asas anak-anak ialah makan minum, tempat tinggal yang selesa dan selamat, pakaian, pendidikan secara berterusan harus diberikan kepada mereka dengan sempurna.

Cara ibu bapa mendidik anak-anak dengan sempurna bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan emosi anak-anak, malah turut mempengaruhi personaliti anak-anak itu sendiri. Ibu bapa yang proaktif dalam usaha membentuk sikap dan akhlak anak-anak biasanya memberikan inspirasi positif kepada anak selain mengambil berat tentang pendidikan dan aktiviti di sekolah. Ibu bapa juga mengutamakan hubungan dengan pihak sekolah seperti penglibatan dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah anak mereka. Hal ini secara tidak langsung membantu ibu bapa mengambil berat tentang anak mereka di sekolah.

Kajian Literatur

Zuria Mahmud, Abdul Razak Habib dan Salleh Amat (2001), menjelaskan kelulusan akademik ibu bapa turut mempengaruhi jumlah pendedahan sendiri anak. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi berkemungkinan mempunyai kemahiran berkomunikasi yang lebih mesra dan terbuka dibandingkan dengan ibu bapa yang kurang pendidikan dan masih menggunakan cara-cara tradisional dalam berkomunikasi dengan anak. Sikap ibu bapa itu sendiri jarang hendak menilai sama ada gaya asuhan yang diberikan kepada anak-anak mencukupi atau adakah didikan yang diberikan cukup sempurna sebagaimana yang sepatutnya diberikan kepada anak-anak. Sikap suka menyalahkan orang lain seperti pihak sekolah tidak membawa apa-apa perubahan yang positif kepada anak-anak kerana ibu bapa sepatutnya duduk semeja dan berbincang dengan pihak sekolah bagi menyelesaikan masalah anak-anak dan bukannya mengeruhkan lagi keadaan.

Menurut Siti Hasmah Mohd Ali (Utusan Malaysia, 21 April 2001), anak-anak sebagai pewaris generasi akan datang perlu dilatih dan dibimbing dengan cara yang betul. Sehubungan dengan itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu memastikan anak-anak mendapat pendidikan sempurna. Usaha untuk menghasilkan insan yang berkualiti sangat berkait rapat dengan cara didikan yang diterima. Pendidikan bertujuan untuk membangunkan modal insan sebagai usaha membina dan mendisiplinkan diri dari segi pemikiran, kerohanian, emosi dan fizikal. Menurut Nooraini Othman & Salasiah Khairillah (2013), negara memerlukan modal insan yang berpegang teguh dengan kalimat *wattakullah*, iaitu menyatupadukan ilmu, akhlak mulia, akal dan hati, fikir dan zikir, kemahiran dan etika serta kerja dan ibadah. Seharusnya pendidikan bukanlah hanya memenuhi otak dengan segala ilmu yang belum diketahui tetapi haruslah dapat membentuk akhlak dan jiwa serta dapat mempersiapkan diri individu untuk suatu pembentukan personaliti yang unggul.

Azizi Yahaya (2010), mengklasifikasikan gaya didikan anak kepada empat bentuk iaitu autokratik, permisif dan liberal, autokratik tetapi demokratik dan tidak menentu. Cara autokratik bermaksud memberi arahan, permisif dan liberal bermaksud bebas dan sesuka hati, memberikan kebebasan kepada anak-anak dengan harapan anak-anak boleh melakukan yang terbaik. Cara autokratik tetapi demokratik bermaksud ketegasan dalam kawalan tetapi dengan cara bermusyawarah, berunding dan berkompromi dan akhirnya cara tidak menentu bermaksud bebas dan tidak terikat.

Pada peringkat pelajar dan remaja, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat dari segi fizikal, emosi mahupun sosial. Pada zaman remaja, mereka mula mempelajari kehidupan yang lebih mencabar seperti perlu berdikari dan mendapatkan kawan yang serasi. Remaja juga belajar banyak perkara yang tidak semuanya datang dari ibu bapa tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial yang dialaminya sendiri. Dalam masa yang sama para remaja mula mengubah tingkah laku, sikap, dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih

matang atau dewasa. Perubahan dalam gaya didikan ibu bapa terhadap anak-anak juga turut membawa kepada perubahan di mana peranan ibu bapa dan anak-anak mempengaruhi hubungan keluarga. Che Hasniza Che Noh (2008) menyatakan anak-anak dan ibu bapa membentuk hubungan melalui proses transaksional di mana anak secara aktif membentuk tingkah laku ibu bapa mereka menerusi diri mereka sendiri. Dalam erti kata lain, sikap dan tingkah laku ibu bapa terhadap anak dipengaruhi oleh persepsi mereka terhadap sikap anak-anak mereka.

Robiah Kulop (1993), menjelaskan asas utama pembentukan peribadi mulia bermula dengan mengamalkan sikap hormat-menghormati serta perlakuan dan kesopanan dalam keluarga. Asuhan yang dimaksudkan ini diperluaskan dan diperkukuhkan dalam pergaulan di sekolah dan institusi sosial yang lain. Pendidikan akhlak dan pembentukan peribadi bermula di rumah di mana agen yang terlibat adalah ibu bapa itu sendiri. Kebiasaan yang dilakukan di rumah ialah belajar kemahiran membentuk keperibadian dan menjadikannya amalan harian serta lengkap sebagai cara hidup walau di mana berada. Proses membina keperibadian ini bermula dengan kawalan dari sudut emosi dan fikiran. Penyesuaian diri terhadap persekitaran membolehkan anak-anak diterima oleh masyarakat.

Akhlar Pardi & Shamsina Shamsudin (2011) menyatakan bahawa disiplin yang terbaik adalah disiplin yang tidak dapat dilihat oleh sesiapa termasuk diri sendiri. Namun, pada lazimnya takrifan kepada disiplin sebagai suatu bentuk hukuman yang perlu dikenakan terhadap seseorang. Guru-guru melihat disiplin ini secara terbatas iaitu bagaimana tingkahlaku pelajar boleh diatur selaras dengan peraturan sekolah. Di sekolah lazimnya disiplin dikendalikan dalam keadaan dan suasana yang stress. Situasi ini di mana pelaksana hukuman berada dalam keadaan stress (geram dan marah) manakala penerima hukuman juga stress (marah, sakit hati, malu dan dendam). Disiplin merupakan alat untuk mengajarkan seseorang untuk bertanggungjawab. Menurut beliau lagi, matlamat tertinggi disiplin adalah disiplin sendiri iaitu satu bentuk kawalan diri yang mengawal kepatuhan secara sukarela selaras dengan piawaian tingkahlaku (akhlak dan moral).

Didikan dengan penuh kasih sayang daripada ibu bapa secara berterusan perlu diamalkan kepada anak-anak mereka sejak anak masih kecil. Pada peringkat kanak-kanak masih kecil dikatakan segala proses perkembangan dan pembentukan keperibadian akan mencorak kehidupan seseorang pada masa hadapan. Kamarul Azmi (2007) menyatakan tabiat dan kelakuan seseorang itu tercorak daripada didikan semasa kanak-kanak. Tatacara kehidupan seorang pelajar itu merupakan cerminan kepada didikan yang telah diterima sebelum mereka meningkat dewasa atau semasa proses mereka membesar.

Ibu bapa hendaklah peka terhadap keperluan anak mereka, baik dari segi kasih sayang, didikan agama dan keperluan harian. Gaya asuhan membentuk personaliti remaja yang baik dan mereka akan berasa lebih positif terhadap diri sendiri dan akhirnya menjadi orang dewasa yang berani dan yakin pada diri sendiri. Menurut Abd Rahim Rashid, Sufean Hussin dan Che Hasyim Hassan (2006), ibu bapa perlu bijak dalam menentukan gaya asuhan yang tertentu seperti demokratik, autokratik, atau permisif dimana perlu. Ibu bapa juga merupakan model yang terbaik untuk anak-anak, kerana merekalah orang yang paling hampir dengan anak-anak. Segala apa yang dilakukan akan menjadi ikutan, tingkah laku baik atau tingkah laku tidak baik.

Menurut Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar (2002), dalam konteks pendidikan secara langsung kepada anak-anak, ibu bapa perlu menjadi *role-model* sekiranya mahu mendidik anak dengan berkesan. Ibu bapa sentiasa bercakap benar dapat melahirkan anak yang jujur. Hal ini kerana ibu bapa merupakan guru di rumah di mana berfungsi sebagai pendidik kepada akhlak anak-anak itu sendiri. Mustahil anak-anak itu akan mengambil contoh yang baik daripada ibu bapa yang sedang melakukan kemungkaran. Tunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak mampu untuk membentuk keperibadian anak-anak itu. Anak-anak akan meniru segala perlakuan ibu bapa di rumah.

Lazimnya teladan baik yang ditunjukkan oleh ibu bapa, akan menjadi ikutan anak-anak dan begitu juga sebaliknya. Apa yang kita lihat hari ini kebanyakan ibu bapa berusaha mendidik dan memaksa anak-anak untuk menjadi manusia yang baik dan berjaya dalam pelajaran dengan cemerlang, tetapi ibu bapa itu sendiri terlupa atau lalai menunjukkan contoh teladan yang baik. Ajar kebaikan kepada anak-anak kamu dan keluarga kamu dan didiklah mereka, ini bermaksud ibu bapa bukan sahaja perlu memberi bimbingan kepada anak-anak tetapi juga perlu menjadi contoh teladan kepada anak-anak (Saat Sulaiman, 2011).

Kamarul Azmi & Siti Fauziyani (2007) menjelaskan bahawa mendidik anak dalam jumlah yang ramai sesuai menggunakan teknik *uswah hasanah* iaitu teknik memberi contoh teladan kepada anak-anak sesuai mengikut masa dan tempat. Teknik ini dilihat sesuai dan berkesan dalam mendidik anak-anak kerana mereka mudah menerima cara hidup ibu bapa dan orang disekelilingnya melakukan amalan baik. Sebagai contoh, ibu bapa yang aktif dalam sosial kemasyarakatan biasanya turut melahirkan anak-anak yang aktif dalam masyarakat. Ibu bapa yang bersolat lima waktu di masjid dan membawa bersama anak ke masjid merupakan contoh *uswatun hasanah*. Anak-anak mudah mengikut apa yang ditunjukkan kepada mereka sehingga kebiasaan itu menjadi rutin dan seterusnya menjadi amalan hidup sepanjang masa.

Mohd Fadzilah Kamsah (2005) mengatakan ibu bapa yang cemerlang sahsiah diri bertindak sebagai contoh dan ikutan kepada anak-anak. Mereka berusaha memastikan anak-anak belajar dalam situasi yang aman dan sesuai. Perlu diketahui bahawa anak-anak tidak belajar daripada apa yang orang tua mereka tutur atau cakapkan sebaliknya mereka banyak mempelajari sesuatu yang bersifat baharu dengan melihat kepada ibu bapa mereka lakukan. Justeru, amalan dan tindakan berupa perkataan atau perbuatan ibu bapa merupakan cara terbaik untuk membentuk anak-anak sebagai orang yang taat kepada agama dan berakhlak mulia. Ibu bapa yang *mithali* sentiasa menggerakkan anak-anaknya untuk menjadi cemerlang.

Ibu bapa seharusnya mendapat pendedahan mengenai pendidikan keibubapaan. Pendidikan keibubapaan membolehkan ibu bapa menguasai cara dan kaedah yang betul dan tepat bagi mendidik anak-anak mereka. Pendidikan seawal kelahiran dan berterusan sehingga peringkat matang anak akan menghasilkan individu yang berketrampilan dan mempunyai personaliti yang baik. Anak-anak harus menyedari bahawa mereka perlu ada hubungan yang kuat bersama ibu bapa bagi membolehkan mereka berkomunikasi dan sentiasa berinteraksi secara positif bagi memperbaiki sahsiah diri masing-masing (Nooraini Othman & Salasiah Khairollah, 2013). Objektif kajian adalah untuk mengetahui kaedah ibu bapa mendidik anak melalui metode autoritarian (terlalu tegas), metode permisif (memberi kebebasan) atau metode autoritatif (memberi kebebasan dan dipersetujui secara bersama antara ibu bapa dan anak-anak).

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan metode *exploratory* melibatkan kajian perpustakaan (*library*) dan metode kajian lapangan (*field research*). Metode kajian perpustakaan digunakan sebagai teorikal asas perbincangan awal berkaitan peranan ibu bapa membentuk sahsiah cemerlang dakwah terhadap anak-anak. Mengikut Mohd Majid Konting (1993), pemilihan sampel perlu kepada saiz yang lebih besar agar responden dapat mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan. Dengan itu, kajian ini menggunakan populasi persampelan agar dapatan menepati kaedah kajian.

Lokasi, sampel dan instrumen kajian

Lokasi kajian bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah harian luar bandar dan melibatkan satu sesi persekolahan sahaja. Merupakan antara sekolah yang mempunyai pencapaian akademik yang baik di Melaka. Dalam kajian ini digunakan metode soal selidik dan sampel borang kaji selidik diedarkan kepada 150 responden terpilih terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga lima di kelas A, B, C dan D. Soalan yang dikemukakan adalah berkaitan metode didikan ibu bapa dalam membentuk keperibadian pelajar.

Metode Analisis Data

Semua data dikumpul, diteliti satu demi satu supaya hasil pengolahan serta menganalisis menepati piawaian. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan metode induktif dan deduktif.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Hasil kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 mendedahkan peratus responden yang mengikut metode didikan autoritarian. Cara didikan ibu bapa terhadap item “sering memukul jika melakukan kesalahan”, mencatatkan sangat tidak setuju (STS) sebanyak 45.0 %. Diikuti oleh tidak setuju (TS) item “tidak membenarkan anak-anak mereka ke rumah kawan”, mencatatkan sebanyak 45.0%. Keputusan menunjukkan responden mengatakan sangat tidak setuju paling tinggi kerana asuhan yang dikenakan kepada mereka di rumah dilihat kurang sesuai. Hal ini didorong oleh sikap ibu bapa yang tidak berpendirian kukuh dalam mendidik anak-anak di rumah. Ibu bapa perlu menggunakan pendekatan memberi nasihat kepada pelajar dan bukannya menggunakan kekerasan seperti memukul sekiranya mereka melakukan kesalahan. Hal ini menyebabkan pelajar bersikap agresif terhadap ibu bapa dan masih melakukan kesalahan yang sama. Jika ibu bapa menghukum sekiranya gagal dalam peperiksaan lebih sesuai dengan tidak membenarkan pelajar menonton televisyen dalam tempoh tertentu. Hal ini membolehkan pelajar mengulang kaji pelajaran waktu yang secukupnya.

Jadual 1: Metode Didikan Autoritarian

Pandangan Responden Mengenai Metode Didikan Autoritarian	1	2	3	4	5
	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)
Sering memukul jika melakukan kesalahan	27 45.0	12 20.0	11 18.3	9 15.0	1 1.7
Tidak membenarkan ke rumah kawan	23 38.3	27 45.0	7 11.7	3 5.0	- 0
Menentukan keputusan terhadap diri saya	17 28.3	16 26.7	16 26.7	7 11.7	4 6.7
Menghukum jika saya tidak ke sekolah	4 6.7	2 3.3	11 18.3	21 35.0	22 36.7
Memberi ancaman sekiranya gagal dalam peperiksaan	9 15.0	18 30.0	16 26.7	17 28.3	- 0

(Sumber : Kajian Lapangan, Mac 2014)

Ibu bapa menggunakan pelbagai kaedah dalam membentuk anak-anak di rumah kerana sifat anak-anak yang bermacam ragam itu sendiri membuatkan ibu bapa sukar untuk menentukan gaya asuhan yang tepat. Antara bentuk pendidikan yang dilaksanakan ialah mewujudkan peraturan tegas di rumah, anak-anak diwajibkan mematuhi peraturan dan dihukum jika melanggar peraturan di rumah, ibu bapa merotan anak-anak tanpa menjelaskan jenis kesalahan yang dilakukan, bersifat tradisional dalam mendidik anak-anak, pendapat anak-anak tidak diperlukan dalam membuat sesuatu perbincangan, ibu bapa yang menentukan masa depan anak-anak mereka khususnya dalam pendidikan dan kerjaya.

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat metode didikan berbentuk tegas ini biasanya digunakan oleh kebanyakan ibu bapa yang tinggal di kawasan luar bandar kerana faktor sekeliling dan gaya hidup masyarakat di kawasan ini masih mempunyai peradaban tradisional. Perlu juga mengambil kira sejauhmana ibu bapa memahami konsep ilmu keibubapaan mendidik anak seperti pembacaan dan pemahaman mereka terhadap kesan didikan bentuk ketegasan dan beberapa faktor pendorong kearah membentuk gaya asuhan yang bersesuaian terhadap anak-anak di rumah perlu diteliti secara mendalam. Jika diteliti dengan lebih mendalam, metode didikan gaya autoritarian bercirikan kawalan ketat ke atas tingkah laku anak dengan membuat peraturan, memastikan peraturan dipatuhi dan tidak membenarkan anak-anak menyoal berkaitan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan (Azizi, 2010). Ibu bapa yang mengamalkan metode didikan ini menghendaki anak-anak mengikut sepenuhnya peraturan yang dibuat oleh ibu bapa mereka. Sekiranya anak-anak tidak mengikuti peraturan, maka

hukuman akan dikenakan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak. Corak keibubapaan ini menunjukkan interaksi ibu bapa terlalu kasar dengan anak-anak. Anak-anak dikongkong oleh peraturan, tidak berpeluang berkongsi pendapat dan merasakan kemesraan dan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Oleh itu, metode ini dilihat ibu bapa menguasai kawalan terhadap anak-anak sama ada dari segi pergaulan, hukuman, peraturan dan kehidupan anak-anak dalam sehari-hari.

Menurut Tengku Asmadi (2008), ramai ibu bapa mendidik anak menggunakan metode autoritarian bertujuan untuk anak cemerlang mental dan fizikal, sedangkan konsep ini memerlukan ilmu keibubapaan yang mendalam. Membiasakan tahap disiplin yang tinggi penting kepada anak-anak adalah salah satu kaedah autoritarian kerana dengan latihan disiplin berterusan anak-anak akan membina sikap hormat kepada diri sendiri dan orang lain. Tidak dinafikan terdapat juga anak-anak berdisiplin secara fitrah, namun pada hakikatnya disiplin ini memerlukan latihan. Bagi melahirkan anak-anak yang berdisiplin dalam pelbagai aspek, ibu bapa terlebih dahulu berada pada tahap disiplin yang tinggi. Disiplin yang dimaksudkan di sini ialah menepati masa, mengutamakan kebersihan dalam segala aspek, menyempurnakan tugas dan mematuhi peraturan yang diwujudkan dari semasa ke semasa.

Peraturan yang diwujudkan mestilah bersifat jelas iaitu difahami oleh semua peringkat umur anak-anak itu. Peraturan yang digubal secara bersama memudahkan pembentukan disiplin dalam sesebuah keluarga. Selain itu, bagi memastikan peraturan ini berlaku adil kepada semua peringkat umur anak-anak, peraturan perlu konsisten pada setiap masa. Dalam proses mendisiplinkan anak, ibu bapa seharusnya mengamalkan sikap mesra, adil dan juga tegas. Ibu bapa mithali akan mengutamakan disiplin dalam membentuk anak berjaya. Ibu bapa bukan hanya sekadar tahu mendidik anak untuk berdisiplin sebaliknya ibu bapa juga harus mengamalkan disiplin (Saat Sulaiman, 2011). Ibu bapa yang berdisiplin lazimnya dihormati oleh anak-anak. Sikap ibu bapa yang gagal mematuhi disiplin ini hanya akan memberi persepsi negatif dalam jiwa anak-anak. Disiplin perlu diterapkan seawal anak-anak masih kecil supaya disiplin itu meresap ke jiwa anak sehingga dewasa.

Menurut Noraini Ahmad (2002), ibu bapa perlu lebih prihatin dalam beberapa perkara seperti peraturan dan disiplin belajar bertujuan untuk mendidik anak-anak supaya tidak bertingkah laku kurang baik serta cemerlang dalam akademik. Dalam masa yang sama anak-anak hendaklah mempelajari tata cara kehidupan sosial yang mencabar masa kini, berdirikari, bertanggungjawab terhadap ibu bapa, menjaga nama baik keluarga ketika berada dalam kelompok masyarakat kelak. Gaya ini juga dilihat sebagai suatu peraturan ketat terhadap anak-anak sehingga anak-anak menerima tanpa bantahan. Justeru, metode ini dilihat menunjukkan kelemahan dalam berkomunikasi dan anak-anak terasa terkongkong kerana peraturan yang agak ketat. Kesan gaya autoritarian terhadap anak dilihat dari aspek jangka panjang berkemungkinan anak menjadi pasif, mempunyai konsep sendiri yang rendah, lemah dalam komunikasi, tidak merasai nikmat bergembira bersama keluarga, tidak peramah dan *moody*.

Jadual 2 menunjukkan peratus tertinggi bagi item "Ibu bapa tidak menghiraukan masalah anak walaupun ponteng kelas", mencatatkan sebanyak 80 % responden mengatakan sangat tidak setuju. Hasil dapatan ini mendapati ibu bapa pelajar tidak menghiraukan masalah yang melibatkan anak-anak boleh meninggalkan kelas tanpa alasan kukuh. Hal ini menunjukkan ibu bapa bersikap prihatin terhadap pendidikan anak-anak mereka. Biasanya gaya asuhan ini dilakukan oleh ibu bapa kawasan bandar. Anak-anak diberi kepercayaan oleh ibu bapa untuk bersosialisasi di kawasan tempat mereka tinggal, diberi kelonggaran memilih kawan yang boleh memberi perlindungan dan sebagainya. Keadaan ini mendorong mereka berkumpul dan secara tidak langsung cenderung untuk menubuhkan kumpulan-kumpulan yang negatif.

Jadual 2: Asuhan Ibu Bapa Permissif

Pandangan Responden Mengenai Metode Didikan Permissif	1	2	3	4	5
	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)
Tidak menghiraukan masalah walaupun ponteng kelas	48 80.0	10 16.7	- 0	- 0	2 3.3
Memberi kebebasan dalam membuat segala	9	14	21	12	4

keputusan	15.0	23.3	35.0	20.0	6.7
Tidak memarahi walaupun pulang lewat Malam	40 66.7	13 21.7	3 5.0	3 5.0	1 1.7
Tidak menghiraukan apabila hendak keluar rumah	40 66.7	17 28.3	3 5.0	- 0	- 0
Tidak mengambil tahu masalah saya	42 70.0	13 21.7	2 3.3	1 1.7	2 3.3

(Sumber: Kajian Lapangan, Mac 2014)

Keputusan dapatan ini dikaitkan dengan faktor umur serta bilangan responden yang rata-rata jumlah responden lebih kepada mereka di menengah bawah. Pelajar dilihat kurang matang dalam menilai sesuatu gaya asuhan yang dikenakan kepada mereka berbanding mereka yang berumur di antara 16-17 tahun. Responden diperingkat menengah atas biasanya sudah matang dan mampu menilai gaya asuhan mereka di rumah. Mereka juga dapat menilai didikan yang diterima itu dari sudut pro dan kontra. Cara asuhan permisif merupakan corak komunikasi yang terbuka dan ibu bapa kurang menekankan tingkah laku yang baik pada anak-anak (Azizi, 2010). Menurut Baumrind (1989), ibu bapa bersikap mesra dan bertanggungjawab tetapi lemah dalam mengawal disiplin anak-anak. Situasi ini mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung kepada sokongan ibu bapa dan juga anak bersifat manja. Gaya asuhan jenis ini menjadikan anak terlalu manja dan sering meminta sesuatu kepada ibu bapa atau sesiapa sahaja yang boleh memenuhi permintaan mereka. Sekiranya permintaan tidak dipenuhi, mereka akan merajuk dan memberontak.

Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif adalah merujuk kepada ibu bapa mesra terhadap anak-anaknya dan bertanggungjawab tetapi mempunyai kelemahan dalam kawalan dan mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung dan manja serta mempunyai permintaan yang tinggi dan impulsif. Anak-anak yang diasuh oleh ibu bapa jenis ini akan melahirkan rasa kecewa kerana ibu bapa tidak mengambil berat terhadap anak-anak. Gaya asuhan keibubapaan permisif atau *permissive* ini memberi banyak kebebasan kepada anak-anak dengan harapan anak-anak boleh melakukan yang terbaik. Terdapat dua jenis *permissive* iaitu *permissive indulgent* dan *permissive indifferent / neglect*. *Permissive indulgent* ialah kawalan yang sedikit ke atas anak-anak atau tiada kawalan langsung. Gaya permisif ini memberikan terlalu banyak autonomi kepada anak-anak serta percaya anak-anak perlu mempunyai banyak kebebasan dan tidak boleh dikawal oleh orang dewasa. *Permissive indifferent / neglect* pula merujuk kepada melepaskan tangan dan mendakwa “saya tidak peduli dengan apa yang kamu lakukan” yang dipanggil juga sebagai “*uninvolved*” atau tidak terlibat. Bentuk didikan permisif dilihat sebagai ibu bapa meluahkan masa yang minima dalam memberikan perhatian dan bersosialisasi bersama anak-anak. Terdapat kesan sampingan terhadap gaya didikan *Permissive indulgent* iaitu anak-anak menentang atau tidak patuh kepada orang yang lebih dewasa, kurang kawalan diri, agresif, cepat marah tetapi mudah kembali riang dan mempengaruhi pencapaian akademik. Kesan gaya *permissive indifferent / neglect* pula ialah ikut kata hati, tanpa tujuan atau kurang aktiviti berasaskan matlamat dan berisiko untuk terlibat dengan delinkuen.

Jadual 3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut metode didikan autoritatif. Item tertinggi bagi “berbincang terlebih dahulu sebelum membuat keputusan”, mencatatkan sebanyak 51.7 % responden menyatakan setuju (S) diikuti oleh item “sering mengajarkan nilai-nilai yang baik”, sebanyak 66.7 % responden menyatakan sangat setuju (SS).

Jadual 3: Metode Didikan Autoritatif

Pandangan Responden Mengenai Metode Didikan Autoritatif	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)
Berbincang terlebih dahulu sebelum membuat keputusan	2 3.3	1 1.7	8 13.3	31 51.7	18 30.0
Sering mengajarkan nilai-nilai yang baik	1 1.7	- 0	- 0	19 31.7	40 66.7

Sentiasa menasihati agar mengerjakan suruhan agama	1 1.7	- 0	1 1.7	14 23.3	44 73.3
Berbincang tentang penentuan sebarang keputusan yang hendak dibuat	- 0	1 1.7	10 16.7	26 43.3	23 38.3
Menasihati jika melakukan kesalahan	- 0	- 0	4 6.7	23 38.3	33 55.0

(Sumber : Kajian Lapangan, Mac 2014)

Manakala item “sentiasa menasihati agar mengerjakan suruhan agama”, mencatatkan sebanyak 73.3 % responden menyatakan sangat setuju (SS). Dapatan menunjukkan kebanyakan pelajar bersetuju dengan metode didikan autoritatif. Ini dapat dikaitkan dengan jantina responden yang rata-ratanya adalah pelajar perempuan. Seperti yang diketahui perwatakan perempuan dan lelaki adalah berbeza secara fitrah. Begitulah juga didikan yang dikenakan terhadap mereka juga berbeza. Oleh itu keputusan yang diterima ini dipercayai mempunyai perkaitan dengan jantina responden.

Berdasarkan pengalaman ibu bapa memberi didikan kepada anak-anak sendiri, mereka memilih metode didikan gaya autoritatif dalam membentuk akhlak anak-anak. Para ibu bapa perlu mengambil kira peredaran zaman kini yang amat mencabar. Pada waktu yang sama memberikan didikan yang sempurna agar anak tidak terlepas dari genggamannya. Ini kerana tahap pemikiran anak-anak beranggapan ibu bapa lebih mementingkan hal mereka berbanding menguruskan anak-anak (Santrock, 1972). Gaya asuhan ibu bapa mempengaruhi tingkah laku devian pelajar. Melalui gaya asuhan autoritarian, anak-anak mudah bertingkah laku devian kerana ibu bapa mendidik anak-anak secara kasar. Anak-anak biasanya mencari ketenangan di luar rumah iaitu bersama kawan sebaya akibat mendapat kongkongan ibu bapa yang terlalu ketat. Hal ini menyebabkan anak-anak bertingkah laku agresif, melanggar undang-undang seperti mencuri, menyamun, mengambil dadah dan terlibat dengan gejala sosial. Oleh itu, gaya asuhan ibu bapa penting dalam mencorakkan perilaku anak-anak terutamanya di peringkat remaja.

Gaya asuhan keibubapaan autoritatif ini menunjukkan anak-anak bebas melakukan sesuatu tindakan tetapi masih dalam pengawalan dan pengawasan ibu bapa. Ciri-ciri gaya asuhan ini menekankan aspek perbincangan, memberi dan menerima pandangan yang diutarakan oleh ahli keluarga. Keputusan dibuat berdasarkan persetujuan bersama. Ciri gaya asuhan ini juga memberi galakan serta menghormati kepentingan anak-anak. Selain itu, ciri gaya ini tidak terlalu bergantung kepada peraturan serta mesra dan tegas. Kesan gaya autoritatif ialah pertama kecekapan sosial. Kecekapan sosial ini merujuk kepada ketinggian dan kecekapan dalam perhubungan sosial. Menurut Ismail Zain (2001), anak-anak boleh berdikari dan menyesuaikan diri dengan persekitaran sebagai contoh, peramah dan mudah mesra. Kesan kedua ialah pembangunan psikososial. Pembangunan psikososial merupakan kehidupan yang sentiasa bahagia dan gembira. Selain itu, pembangunan psikososial juga mempunyai kestabilan emosi yang baik dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi serta sedar batasan tingkah laku yang perlu dipatuhi. Kesan ketiga ialah akademik. Kesan gaya asuhan ini adalah memperolehi kecemerlangan dalam bidang akademik dan berinisiatif untuk melakukan sesuatu. Anak-anak biasanya dapat belajar dengan tekun dan bermatlamat. Keempat, kesan terhadap masalah tingkah laku. Gaya asuhan ini berkecenderungan anak-anak untuk melibatkan diri dalam aktiviti delinkuen adalah kurang. Ini kerana anak-anak masih terikat dengan pelbagai peraturan yang menghadkan kebebasan aktiviti mereka di luar dan luar rumah. Kelima, kesan terhadap motivasi. Gaya asuhan ini dilihat anak-anak mempunyai motivasi yang tinggi kerana ibu bapa sentiasa memberi dorongan dan sokongan sama ada berbentuk implisit dan ekstrinsik serta wujud perkembangan intelektual dalam diri anak-anak.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, disimpulkan bahawa dalam proses mendidik anak ibubapa hendaklah mendidik anak dengan betul di samping memiliki ilmu keibubapaan yang mantap. Melalui mendidik anak yang betul, natijahnya melahirkan anak-anak yang berakhlak mulia, cemerlang dalam

akademik dan patuh kepada agama. Ibu bapa sewajarnya mengenal pasti kemampuan anak-anak dalam bidang fizikal, emosi dan tahap kecerdasan otak supaya dapat disesuaikan dengan kaedah menerapkan didikan yang bakal dilalui. Berdasarkan kajian di atas, metode didikan autoritatif dilihat lebih sesuai dan berkesan berbanding metode permisif dan autotarian. Ibu bapa hendaklah memberi galakan dan dorongan daripada semasa ke semasa kepada anak-anak dan memberi hukuman sebagai pengajaran jika mereka melakukan kesalahan. Sebaiknya anak-anak diberi bimbingan dan tunjuk ajar terlebih dahulu sebelum dikenakan hukuman kerana melanggar peraturan yang dipersetujui bersama. Ibu bapa adalah contoh terbaik dalam mendidik anak membentuk akhlak mulia.

Rujukan

- Abdul Munir Ismail. (2013). Pendekatan Dakwah Oleh Ibu Bapa Suku Banjar Bagi Membentuk Anak Patuh Kepada Ajaran Islam, *Journal of Human Capital Development*, Vol. 6 No. 2 July-December 2013.
- Abd Rahim Rashid, Sufean Hussin dan Che Hasyim Hassan (2006). *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributor Sdn. Bhd.
- Abu Daud al-Sajistany Sulayman bin Ash'ath. (1387H). *Sunan*. Jil 1. Kafur: Matba'ah al-Majidi.
- Abdullah Nasih Ulwan. (2004). Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam. (Terj. Syed Ahmad Semait). Jil. 1 dan 2. Cet. Ke 13. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali dan Muhammad (2008). *Akhlak Seorang Muslim*. Kuala Lumpur : Crescent News Sdn. Bhd.
- Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin (2011). *Pengendalian Disiplin Remaja di Sekolah dan di Rumah*. Kuala Lumpur. Penerbitan Multimedia.
- Azizi Yahaya (2010). Persepsi Perlakuan Agresif Dan Faktor Yang Mempengaruhi di Lima Buah Sekolah Kawasan Bandar Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*, 53 (Sains Sosial), Sept. 2010. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon (2005). *Psikologi Sosial: Alam Remaja*. Bentong, Pahang : PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Baumrind D (1989): *Rearing competent children*. In: Damon W. (Ed.), Child development today and tomorrow. San Francisco, CA: Jossey Bass. Lihat http://www. Researchgate.net/publication / 232492723_Rearing_competent_children.
- Che Hasniza Che Noh (2008). Ciri ibubapa dan anak serta hubungannya ke atas gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga. *Latihan ilmiah* tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Awang (2001). *Kaedah Penyelidikan: Suatu Overview*, Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ismail Zain. (2001). *7 Strategi Pemantauan Pembelajaran Untuk Ibu Bapa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (Islamic Education: Teaching and learning)*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang. (Successful Family Education and Development)*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Maznah & Zakiah. (2009). Persediaan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-Anak: Kajian Di Taman Batu Permai, Kuala Lumpur, *Jurnal Ilmiah*, Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (1993). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Fadli Hasan. (2013), Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, Volume 38(2), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Faizal A. Ghani, (2011). Pemimpin Dan Komuniti Pembelajaran Profesional, *Jurnal Pendidikan*, Volume 31, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Fadhilah Kamsah (2005). Kaedah Mendidik Anak Cemerlang, Kuala Lumpur : Telaga Biru.
- Nooraini Othman dan Mazlyana Buhari (2011). Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Personaliti Pelajar. *Journal Of Educational Psychology and Counseling* 4 December 2011.
- Noraini Ahmad (2002). *Kaunseling kekeluargaan: mendisiplinkan anak melalui kasih sayang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Nooraini Othman & Salasiah Khairollah (2013). Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan, *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 4: (Dec.) 2013.
- Robiah Kulop Hamzah (1993). *Remaja dan Pengurusan Diri*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Saat Sulaiman (2011). *Tip Menjadi Ibu Bapa Mithali*, Selangor : PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Santrock J.W. (1972). Relation of type and onset of father absence to cognitive development. *Child Development Journal*, 43, 455 – 469.
- Tengku Asmadi Tengku Mohamad (2008). *Teknik Memotivasikan Anak Cara Positif*, Selangor, PTS Millinnea Sdn. Bhd.
- Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar (2002). *Tingahlaku Keibubapaan dan Penyesuaian Tingkah laku Anak dalam Keluarga Berisiko di Luar Bandar*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 10(2) 165-178 (2002).
- Zuria Mahmud, Abdul Razak Habib, & Salleh Amat, (2001), Perkara-perkara yang diceritakan oleh remaja kepada ibubapa. Satu Kajian analisis mengenai pendedahan sendiri. *Jurnal Pendidikan*, UKM, Bil. 27, *Journal Pendidikan*.